

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah inisiatif baru yang ingin dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam membantu golongan pekebun kecil dan petani mengatasi kos sara hidup yang semakin meningkat berikutan cuaca yang tidak menentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk membantu para pekebun kecil komoditi agar pendapatan mereka tidak terjejas dan melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK). Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil menangani kos sara hidup yang semakin meningkat dan juga pengurangan pengeluaran akibat cuaca yang tidak menentu.

Pada masa ini, harga sawit, koko dan lada berada di paras yang stabil dan pendapatan bulanan para pekebun kecil melebihi PGK. Walau bagaimanapun, dalam kes getah, harga yang tidak stabil buat masa ini telah menjaskankan pendapatan para pekebun kecil getah. Dalam hal ini, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pendekatan-pendekatan semasa iaitu Insentif Pengeluaran Getah (IPG), Mekanisme Penetapan Harga Getah di Ladang dan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah.

Selain itu, Kerajaan juga akan menggalakkan para pekebun kecil getah menghasilkan lateks dengan menyediakan Infrastruktur Kutipan Lateks di mana peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan. Melalui penghasilan lateks, para pekebun kecil akan meraih peningkatan pendapatan sebanyak 25% berbanding penghasilan *cuplump*.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap kebijakan para pekebun kecil getah dan dalam Belanjawan 2017, Kerajaan telah mengumumkan Bantuan Khas Musim Tengkujuh sebanyak RM200 bagi tempoh 3 bulan. Langkah ini akan dapat meringankan beban pengurangan pendapatan yang disebabkan oleh musim tengkujuh.

Sekian, terima kasih.